

10/09/1998

PM dijangka temui pemimpin BN

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menemui semua pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) bagi menjelaskan isu pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan pemecatan keahliannya dalam Umno.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno turut menjelaskan mengenai pentingnya seseorang memiliki moral terpuji sebelum melayakkan diri memikul tanggungjawab sebagai pemimpin.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Perdana Menteri akan menemui pelbagai kumpulan termasuk pemimpin komponen BN dan kakitangan kerajaan berhubung isu membabitkan Anwar.

"Usaha menemui pelbagai kelompok masyarakat itu akan mengambil sedikit masa lagi kerana seperti yang diketahui Dr Mahathir kini sibuk menangani masalah kegawatan ekonomi.

"Sumbangan Perdana Menteri dalam memulihkan ekonomi negara selama ini mendapat sokongan rakyat serta anggota Kabinet bagi menjaga kepentingan rakyat," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya, hari ini.

Dr Ling berkata, MCA menganggap moral penting dalam pemilihan pemimpin.

"Persoalan moral memang penting. Jika seseorang pemimpin dari aspek moral tidak begitu tepat dan ia diketahui musuh negara, pemimpin berkenaan mungkin menjadi sasaran 'peras ugut' oleh musuh negara.

"Sehubungan itu, seseorang pemimpin perlu daripada beberapa aspek mempunyai kelakuan yang tepat untuk menjaga kepentingan negara," katanya.

Beliau berkata, ahli Kabinet memahami setiap tindakan yang diambil membabitkan Anwar serta mempunyai tugas melaporkannya kepada pemimpin serta ahli parti.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata sebagai parti komponen, ahli MIC menerima penjelasan Dr Mahathir.

"Kita bersetuju dengan tindakan yang diambil Dr Mahathir kerana saya percaya beliau sudah memikirkan perkara itu berasaskan kepentingan negara.

"Kita menyokong tindakan beliau dan bersedia turun ke bawah untuk menerangkan kepada akar umbi parti perkara sebenarnya berlaku," katanya di sini, hari ini.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob menegaskan seseorang yang mahu menjadi pemimpin tertinggi mestilah mempunyai nilai keperibadian bersih.

Megat Junid berkata, isu pemecatan menteri dan ahli politik kanan daripada Kabinet dan parti berlaku sejak awal kepemimpinan Umno di bawah Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman.

(END)